

Hanafi Hj Mohd Tahir. Mohd Khairulnizam Ramlie, Anwar Fikri Abdullah (2017). Keupayaan Menulis Dan Menangani Cabaran Penulisan Ilmiah Bagi Pelajar-Pelajar Siswazah. *Idealogy*, 2(2) : 83-91, 2017

Keupayaan Menulis Dan Menangani Cabaran Penulisan Ilmiah Bagi Pelajar-Pelajar Siswazah

Hanafi Hj Mohd Tahir. Mohd Khairulnizam Ramlie, Anwar Fikri Abdullah
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar
Perak, Malaysia

hanaf185@perak.uitm.edu.my

hanafimt@gmail.com

nizamramlie@gmail.com

anwar575@perak.uitm.edu.my

Abstrak.

Kebolehan, keupayaan dan kemahiran menulis merupakan salah satu elemen penting di dalam dunia akademik. Penulisan ilmiah bukanlah suatu yang asing dalam bidang akademik. Contoh penulisan ilmiah ialah seperti penulisan artikel, penulisan tesis, laporan penyelidikan dan laporan aktiviti. Pelajar-pelajar siswazah perlu melalui pelbagai cabaran dalam penulisan bagi melengkapkan diri sebagai graduan universiti. Ini adalah kerana setiap maklumat yang diperolehi dalam penyelidikannya, diproses dan seterusnya akan dirumuskan kesimpulannya agar aspek penting yang dikaji dapat diperjelaskan dan dihuraikan melalui laporan penulisan. Beberapa faktor dikenalpasti menyumbang kepada keupayaan dan cabaran untuk menulis. Cabaran dan rintangan penulisan ilmiah dikalangan pelajar-pelajar siswazah berhubungkait rapat dengan keupayaan diri dalaman dan luaran. Tetapi, rintangan dan cabaran tersebut mampu dibendung jika semua pelajar-pelajar siswazah mempunyai rasa tanggungjawab dan disiplin diri yang kuat. Berdisiplin dan kesungguhan ketika menimba ilmu di dewan kuliah, komunikasi yang baik dengan rakan-rakan serta pensyarah-pensyarah menyumbang kepada meningkatkan kualiti penulisan akademik dikalangan pelajar-pelajar siswazah.

Kata Kunci: Penulisan ilmiah, keupayaan penulisan, cabaran penulisan, pelajar-pelajar siswazah

1.0 Penulisan dan sejarahnya

Sejarah awal penulisan bermula melalui penghasilan visual-visual yang menterjemahkan imej, lakaran serta ukiran. Ia banyak ditemui di zaman Mesir Kuno. Menurut sumber dari laman sesawang (<https://peradabankuno.wordpress.com>), perkembangan penulisan bermula daripada imej-imej yang dilakar atau dipahat pada batu, dinding gua, kulit kayu, logam, gading, dan kertas. Ia bertujuan untuk berkomunikasi di antara satu sama lain bagi menyampaikan mesej dan penceritaan. Visual-visual yang dihasilkan ini dikenali sebagai Piktograf dan Hieroglif. Kaedah berkomunikasi terus berkembang dari masa ke semasa. Pelbagai kaedah-kaedah baru dihasilkan untuk berkomunikasi dan kini cara komunikasi di antara khalayak menjadi lebih mudah dan cepat. Menurut Fischer (2001), bahawa aliran komunikasi telah menghasilkan pelbagai bahan-bahan catatan, contengan, tulisan, lukisan sehingga menyebabkan penyampaian maklumat kini boleh dilakukan dengan lebih mudah dan pantas dengan selari dengan perkembangan teknologi.

Sejarah awal penulisan dan era perkembangan teknologi telah banyak mempengaruhi bidang-bidang penulisan. Menurut Ching (2011), menyatakan bahawa perkembangan revolusi tulisan, lakaran, simbol dan penghasilan huruf-huruf telah memberi kesan besar terhadap perkembangan dalam menghasilkan bahan-bahan bacaan dan penerbitan. Teknologi telah membantu aktiviti-aktiviti penulisan dan penghasilan bahan-bahan bacaan dengan mudah, cepat dan pantas. Ia berkembang seiring dengan perkembangan teknologi komputer di mana era percetakan telah memudahkan hasil penulisan untuk diterbitkan.

Teknologi telah menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran, manakala pelajar pula diberi peluang untuk manfaatkannya untuk sesi pembelajaran. Menurut pernyataan daripada Jamaluddin dan Zaidatun (2003), perkembangan dalam teknologi multimedia telah menjanjikan potensi yang besar dan telah merubah cara seseorang itu belajar, cara memperolehi maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat dan sebagainya.

2.0 Pengenalan penulisan ilmiah

Penulisan ilmiah merupakan suatu yang tidak asing lagi bagi ahli-ahli akademik iaitu pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar siswazah. Penulisan ilmiah adalah hasil tulisan yang merungkaikan dan mencari penyelesaian masalah, laporan berkaitan aktiviti dan kegiatan, penemuan atau informasi bagi tujuan dan sasaran tertentu. Ia mengungkapkan fakta dan bukti bagi menyokong kebenaran melalui beberapa langkah seperti penyelesaian masalah, penemuan hipotesis dan pengujian kebenaran.

Penulisan ilmiah juga merupakan penulisan yang berlandaskan kepada kaedah-kaedah saintifik. Kesimpulan, rumusan dan hasil penulisan ini mampu membawa kepentingan terhadap golongan sasaran seperti kepada ahli-ahli akademik, individu-individu serta khalayak-khalayak yang tertentu. Penulisan ilmiah mampu memberikan pemahaman agar dapat berfikir secara tersusun dan terperinci kerana penulisan ini bertujuan menguraikan suatu permasalahan agar dapat diperjelaskan secara sistematik. Menurut Ahmad Fauzi (2005), penulisan menjadi media paling berkesan bagi seseorang sarjana menyampaikan buah fikirannya untuk dibaca, dinilai, bahas, dianalisa dan dibuahkan hasil sama ada dalam bentuk produk mahupun yang lebih abstrak yang mungkin lebih banyak kesannya dalam mengubah kehidupan manusia.

3.0 Keupayaan dan cabaran dalam penulisan

Bagi pelajar-pelajar siswazah, penulisan merupakan suatu keperluan dalam pengajiannya di universiti. Ini merupakan syarat utama di peringkat pengajian yang mewajibkan pelajar-pelajar siswazah melengkapkan penulisan bagi memenuhi kehendak modul pembelajaran mereka. Pelajar-pelajar siswazah akan terlibat dalam penulisan ilmiah seperti penulisan laporan kajian, tesis dan sebagainya. Keupayaan untuk menyediakan dan melengkapkan penulisan ilmiah ini pasti akan menempuh beberapa cabaran serta rintangan.

Proses penulisan ilmiah lazimnya menjadi cabaran kerana ia menguji keupayaan dan kebolehan pelajar-pelajar siswazah untuk memulakan penulisan. Beberapa faktor dikenalpasti menyumbang kepada kebolehan, keupayaan dan

cabaran untuk menulis. Cabaran dan rintangan penulisan ilmiah dikalangan pelajar-pelajar siswazah dipengaruhi oleh faktor keupayaan diri. Keupayaan diri diuji berdasarkan kepada rintangan dan cabaran apabila memulakan dan melengkapkan sesuatu penulisan. Segalanya mampu diatasi jika semua pelajar-pelajar siswazah mempunyai rasa tanggungjawab dan disiplin diri yang kuat. Berdisiplin dan kesungguhan ketika menimba ilmu di dewan kuliah, komunikasi yang baik dengan rakan-rakan serta pensyarah-pensyarah menyumbang kepada peningkatan kualiti penulisan akademik dikalangan pelajar-pelajar siswazah.

Pelajar-pelajar siswazah yang baru memulakan pengajian lazimnya dikehendaki menjalani penyelidikan-penyelidikan tertentu mengikut kehendak matapelajaran yang diwajibkan. Cabaran menulis latihan ilmiah bagi siswazah-siswazah berkait rapat dengan kebolehan dan keupayaan diri secara dalaman dan luaran. Sebagai pelajar-pelajar siswazah, penulisan ilmiah merangkumi penyediaan pembentangan kajian, penulisan laporan kajian dan sebagainya.

Terdapat beberapa faktor cabaran keupayaan diri yang mempengaruhi penulisan pelajar-pelajar siswazah secara dalaman. Antara cabaran keupayaan diri secara dalaman ialah dipengaruhi oleh kurangnya aktiviti pembacaan dikalangan pelajar-pelajar siswazah. Ini akan menyebabkan mereka tahap pengetahuan dan pemahaman menjadi lemah. Kelemahan ini menyebabkan pelajar-pelajar siswazah mudah berasa putus asa dan mula berasa malas untuk menulis.

Sikap bertanggungjawab dan disiplin yang tinggi seharusnya perlu ada bagi setiap individu yang berstatus pelajar siswazah kerana jika sikap bertanggungjawab dan disiplin diri tidak dipraktikkan, akan memburukkan lagi situasi ini. Bagi pelajar-pelajar siswazah yang dipengaruhi pula dengan senario sikap malas dan malu untuk bertanya menambahkan lagi cabaran dan rintangan untuk tidak menulis. Akhirnya tahap keupayaan diri untuk menulis mula pudar sedikit demi sedikit dan penulisannya menjadi tidak berkualiti serta tidak mampu untuk dilaksanakan.

Cabaran keupayaan diri secara dalaman juga dipengaruhi oleh faktor kesihatan dan penjagaan diri. Tahap kesihatan yang kurang memuaskan

merupakan cabaran terhadap seseorang individu yang bergelar pelajar siswazah. Ini adalah kerana tahap kesihatan yang dikategorikan sebagai ringan mahupun kronik tetap akan menjejaskan proses penulisan ilmiah pelajar-pelajar siswazah. Faktor ini memburukkan lagi situasi pelajar-pelajar siswazah yang sedang menyediakan dan menyiapkan penulisan tesis kerana kategori penulisannya sangat kompleks. Dalam pada itu juga cabaran keupayaan diri secara dalaman bagi pelajar-pelajar siswazah ialah apabila ditimpa malapetaka seperti terlibat dalam kemalangan atau pelajar-pelajar wanita yang mengandung ketika pengajian. Ia turut menyumbang kepada cabaran dalam penulisan kerana situasi tersebut menjejaskan proses penulisan ilmiah masing-masing. Justeru itu, adalah penting bagi setiap pelajar-pelajar siswazah untuk memberikan perhatian yang utama kepada tahap kesihatan masing-masing agar ia berada dalam keadaan kesihatan yang baik tidak menjejaskan prestasi proses penulisan ilmiah.

Cabaran keupayaan diri secara luaran pelajar-pelajar siswazah dalam melengkapkan penulisan ilmiah pula adakalanya mula terganggu dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keperluan ekonomi. Taraf hidup yang semakin tinggi adalah cabaran utama bagi pelajar-pelajar siswazah yang tidak mempunyai dana pengajian yang mencukupi. Ia adalah kerana pelajar-pelajar siswazah ini terpaksa bekerja bagi memenuhi keperluan ekonominya. Tumpuan dan fokus terhadap penyediaan penulisan dipengaruhi oleh faktor masa yang mana ianya perlu dibahagikan kepada keperluan melengkapkan penulisan dan juga kehendak pekerjaan. Adakalanya ia juga dipengaruhi oleh faktor keletihan kerana bekerja. Ini menyebabkan gangguan terhadap prestasi penulisan mereka. Cabaran keupayaan diri secara luaran juga dipengaruhi apabila terdapat faktor masalah keluarga yang banyak mempengaruhi tumpuan terhadap pengajian. Impak daripada cabaran luaran pastinya manambah beban kepada cabaran dalaman yang sedia ada dalam diri pelajar-pelajar siswazah.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmad (2003), aktiviti dan cara hidup banyak mempengaruhi pembangunan individu dan pencapaian dalam akademik. Ia juga dipengaruhi dengan gaya hidup pelajar-pelajar siswazah di kolej-kolej kediaman, rumah-rumah sewa seperti waktu tidur, waktu belajar, kekerapan keluar kampus dan jawatan ko-kurikulum yang disandang. Pelajar-pelajar perlu

mengagihkan masa untuk belajar dan beriadah, mengawal pergaulan dengan rakan sebaya kerana ia memberi kesan terhadap rentak pembelajaran. Cara dan gaya hidup pelajar-pelajar siswazah yang tidak teratur mengakibatkan tahap motivasi diri menjadi lemah, ia juga akan menurunkan tahap keyakinan diri, menjejaskan disiplin diri, dan memberi kesan terhadap kesihatan diri yang terjejas. Justeru itu jika situasi ini tidak ditangani, maka situasi persekitaran dan komunikasi antara sesama rakan-rakan akan tergugat dan terjejas, sekaligus membebankan lagi cabaran dalaman diri pelajar-pelajar siswazah dan akhirnya menyukarkan proses penulisan ilmiah.

4.0 Menangani cabaran penulisan ilmiah

Apabila wujudnya situasi tidak dapat membiasakan diri serta tidak berkeyakinan untuk menulis, ia akan menyebabkan kegagalan kepada pelajar-pelajar siswazah untuk melengkapkan kehendak sesuatu matapelajarannya. Faktor ini akan mewujudkan suatu perasaan gemuruh, gelisah dan tidak mempunyai keyakinan untuk menulis dan terus menulis. Situasi ini tidak harus dibiarkan berterusan kerana ia akan mengakibatkan kegagalan dalam pengajian mereka.

Sebagai pelajar-pelajar siswazah adalah menjadi tanggungjawab untuk bersikap lebih fokus dalam pengajian terutama ketika aktiviti pembacaan agar dapat memahaminya maklumat dan informasi lebih jelas dan tepat. Pelajar-pelajar siswazah juga perlu lebih fokus dan minat terhadap bidang pengajiannya. Motivasi menghasilkan penulisan ilmiah bukan bersandarkan semangat mencintai ilmu dan rasa bertanggungjawab atas ilmu. Menurut Ahmad Fauzi (2005), kelemahan untuk menulis, menghasilkan penulisan ilmiah ialah kegagalan dalam menghayati penulisan ilmiah sebagai satu objek yang memberi kepuasan dan keseronokan tersendiri.

Disiplin dalam diri amat penting bagi setiap pelajar-pelajar siswazah kerana setiap penulisan yang ingin dilaksanakan melibatkan kadar masa yang tertentu yang ditetapkan. Persediaan terhadap disiplin diri perlu berada di tahap yang sangat memuaskan. Pelajar-pelajar siswazah perlu mempunyai kejujuran terhadap diri sendiri, perlu fokus dan menepati kadar masa serta sentiasa sabar ketika proses penulisan. Pembahagian masa amat penting ketika proses penulisan supaya

semua yang dirancang berada dalam situasi yang lebih teratur dan berkualiti. Pelajar-pelajar perlu berusaha memaksimumkan tahap keyakinan dan memotivasikan dalam diri supaya lebih bersedia dan fokus untuk melaksanakan penulisan ilmiah.

Komunikasi yang baik dengan penyelia ataupun pensyarah merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu penulisan ilmiah. Sehubungan dengan itu pertemuan dan perbincangan dengan penyelia ataupun pensyarah seharusnya dilakukan sekerap yang mungkin. Penjadualan untuk pertemuan dengan penyelia ataupun pensyarah dapat membantu mewujudkan konsep bermotivasi. Sungguhpun begitu, berlaku juga situasi pelajar-pelajar siswazah membuat tindakan tidak mahu berjumpa dan mengelak daripada berjumpa dengan penyelia ataupun pensyarah. Situasi ini disebabkan masih belum sempat menyiapkan progress penulisan dan tindakan ini hanya akan memburukkan lagi keadaan. Pertemuan dengan penyelia ataupun pensyarah secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan akan sentiasa menjadikan pelajar-pelajar siswazah lebih fokus dan komited terhadap penulisannya. Penyelia ataupun pensyarah disamping menjadi pembimbing, dia juga menjadi kaunselor dan adakalanya menjadi teman rapat sebagai penyelesai masalah atau cabaran semasa proses penulisan.

Komunikasi yang baik sangat penting dalam membentuk perhubungan akrab dikalangan pelajar-pelajar siswazah. Ini kerana konsep bantu membantu dikalangan pelajar-pelajar siswazah ini dapat memberi semangat kerjasama dan motivasi ketika proses menjalankan kajian dan melaksanakan penulisan ilmiah. Hubungan baik antara satu sama lain siswazah yang lain membantu untuk memberi dan sokongan moral selain daripada ahli keluarga dan rakan pejabat bagi yang berkerja sambil belajar. Berkongsi perasaan bimbang dan masalah yang dilalui sepanjang pengajian bersama pelajar lain mampu untuk mengurangkan beban emosi kerana pelajar-pelajar siswazah ini tidak akan berasa keseorangan dalam proses penulisan ilmiah.

Latihan praktikal, bimbingan luar kelas dan pengalaman juga merupakan strategi bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dalam menyempurnakan

penulisan ilmiah. Setiap universiti lazimnya menawarkan kaedah penulisan ilmiah. Justeru itu, pelajar-pelajar siswazah sangat digalakkan mengikuti kursus-kursus, bengkel-bengkel dan kuliah-kuliah yang berkaitan dengan penulisan bagi meningkatkan kemahiran menulis dan penggunaan gaya bahasa. Disamping itu juga, pelajar-pelajar siswazah disarankan menggunakan kemudahan internet sebaik mungkin untuk mencari maklumat, berkongsi idea melalui bidang yang berkaitan dengan penulisan dan berinteraksi dengan pelajar-pelajar siswazah di universiti lain. Melalui kaedah ini pelajar-pelajar siswazah dapat menyelami dunia penyelidikan dan mengenali sarjana pakar dalam bidang kajian yang berada di merata dunia.

5.0 Rumusan

Penulisan ilmiah merupakan keperluan malah menjadi syarat bagi setiap pelajar-pelajar siswazah di setiap universiti. Justeru itu, pelajar-pelajar siswazah perlu berdepan dengan pelbagai rintangan dan cabaran untuk melaksanakan penulisan ilmiah. Segalanya mampu diharungi jika ada rasa tanggungjawab dan disiplin diri yang kuat dalam diri. Perilaku pelajar-pelajar siswazah sama ada dari segi disiplin, fokus dalam menimba ilmu, komunikasi yang baik dengan pensyarah dan cara pembelajaran amat penting dalam membantu penulisan ilmiah dengan baik. Oleh sebab itu, tidak dinafikan bahawa semua faktor-faktor di atas adalah saling berkait di antara satu sama lain dalam membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar.

Rujukan

Ahmad Fauzi, 2005. *Medan Penulisan Ilmiah: Faktor Pendorong dan Langkah-Langkah. (Academic Writing: Motivating Factors and Steps)*, Universiti Sains Malaysia.

Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir, 2003. *Multimedia dalam Pendidikan*, PTS Publications.

A. Ahmad, S. M. Idrus, N.N. N. A. Malik, N.A. Murad, N. H. Ngajikin & M. R. M. Esa, 2006. *Pengaruh Gaya Hidup Pelajar Kejuruteraan di Kolej Kediaman, UTM Terhadap Pencapaian Akademik*, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia.

Ching Y. Suen. 2011. *Evaluation Of Fonts For Digital Publishing And Display. Introduction, Objective And Rationale*. 2011 International Conference On Document Analysis And Recognition. Cenprami, Concordia University, Canada.

Steven Roger Fischer (2001), *History of Writing*, Page 47. Reaktion Book Ltd, 79 Farringdon Road, London EC1M 3JU, UK.

<https://peradabankuno.wordpress.com/2013/01/18/sejarah-tulisan-dari-piktograf-hingga-alphabet/>